

Alam Wanita

Al-Khansā', Seorang Ibu yang Berjiwa Perjuangan

Namanya yang sebenar ialah Tumādir binti 'Amru, dan al-Khansā' nama gelarnya. Dia mempunyai dua orang saudara, masing-masing bernama: Mu 'āwiyah dan Şakhr. Ia juga tergolong dalam barisan penyair-penyair wanita bangsa Arab yang terbilang.

oleh: Muhammad Zain Haji Sarudin

Bangsa Arab terkenal dengan peperangan yang tak putus antara mereka. Maka kedua saudaranya itu telah menjadi korban peperangan, keduanya gugur di medan perang.



Murid-murid perempuan yang berjaya dalam peraduan membaca

Qur'ān, anjuran "Persatuan Anak-anak Sungai Siput

Melaka", yang telah diadakan baharu-baharu ini di rumah Jam'iyah,

Lorong 12, Singapura.

Dari kiri: Aisyah Ahmad (johan pertama), Fatimah

Haji Ali (kedua) dan Kamariah (ketiga).

Kematian kedua-dua saudaranya, khususnya Şakhr adalah menjadi sumber ilhamnya dalam menciptakan buah syairnya. Kalau kita ikuti buah tangannya sebelum kematian saudara-saudaranya itu, ia hanya bermadah sebaris dua sahaja. Tetapi apabila sumber ilhamnya itu ada, maka bersenandunglah ia dengan penuh kesedihan, ia penyair wanita yang berladung air mata.

Marilah ikuti sebahagian dari senandungnya:

Wahai kedua kelopak mataku

Sedekahkanlah air matamu

Mengalirlah, jangan membeku

Tidakkah kau sudi

Merapati Şakhr yang pemurah.

Tidakkah kau menangi pemuda berani

Hatinya dipenuhi tiada takut dan ngeri

Curahkanlah air matamu

Pada teruna si jantung hati.

Orang yang pemurah, hati mulia

Masih kecil lagi disanjung keluarga.

Demikianlah antara senandungnya, meminta kepada kelopak

matanya supaya sudi meratapi lagi akan kematian



Jemaah kaum ibu Kampung Wak Tanjung, Singapura dari “Majlis al-Muṭāla‘ah wa al-Mudhākarah al-Dīniyyah al-Islāmiyyah” anjuran Ustaz Abdul Mutalib, ketika menyambut Hari Raya Haji, baharu-baharu ini.

saudaranya. Padahal yang diharapkan tiada akan berlaku, kerana air matanya sudah kering, kerana ratapannya yang tidak putus-putus sebelum itu.

Al-Khansā’ telah menganut Islam bersama-sama sukunya Banī Salīm. Ia terjumlah dari golongan penyair yang hidup dalam dua zaman: Jahiliah dan Islam. pada zaman pemerintahan Saydinā ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, seorang jurucakap sukunya menyatakan kepada ‘Umar: “Wahai Amīr al-Mu‘minīn, al-Khansā’ masih menangis lagi, berdukacita mengenangkan kematian bapa dan kedua saudaranya yang gugur dalam zaman jahiliah, kini kelopak matanya telah merah. Bolehkah kiranya tuan melarangnya?”

Khalifah ‘Umar pergi menjumpai al-Khansā’, yang disaksikan ialah seperti apa yang telah dikatakan kepadanya, maka ia pun berkata: “Apakah gerangan yang memerahkan kedua matamu al- Khansā’?” Al- Khansā’ menjawab: “Ratapanku ke atas penghulu-penghulu sukuku”. Saydina ‘Umar pun menasihatinya: “Hingga bila kau mau menangis? Berbaktilah kepada Allah. Sebenarnya apa yang kau lakukan ini bukanlah amalan Islam. Andainya dikekalkan seseorang itu nescaya kekallah Rasulullah. Janganlah kau berduka”. Kemudian Saydina ‘Umar berkata lagi. “Cubalah kau bersenandung, aku ingin mendengar apa yang telah kau ucapkan.” Khansā’ menjawab: “Aku takkan bersenandung dengan apa yang telah kukatakan, tetapi aku akan bersyair dengan yang kuciptakan sekarang ini:

Cucurilah mayat yang terkujur di Ghamrah
Cucurilah sekitarnya, jangan selainnya
Dengan air hujan yang membasahkan
Dengan embun di musim bunga
Dan hujan lebat mencurah-curah.

Aku sedia meminjamkan pendengaranku
Untuk merisik kedukaan pabila dikenang,
Di dalam hati terdapat kedukaan
Selagi nafas bergerak tidaklah ia tertinggal.

Dulu pernah kuberikan air mataku
Kepada mereka yang mati sebelum kau
Maka kau dan kematianmu
Aku terus meratapi, untukmu.”

Mendengar syair itu, Sayidina ‘Umar pun berkata:

“Aku tidak marahkan kau kerana tangisanmu kepada mereka, dan setiap manusia menangis kerana kedukaannya”.

Pesannya Kepada Anak-Anaknya

Al-Khansā’ mempunyai empat orang anak lelaki. Tatkala tentera Islam keluar menuju ke medan perang di negeri Parsi, dan keempat-empat anak itu menggabungkan diri ke dalamnya, mereka itu pernah turut dalam pertempuran di al-Qādisiyyah tahun 16 Hijrah.

Sebelum berangkat, ibunya berpesan kepada anak-anak yang dikasihinya itu: “Wahai anak-anakku! Kamu menganut Islam didorong oleh rasa taat, kamu berhijrah dengan pilihan kamu sendiri. Demi Tuhan, kamu anak dari satu rumpun, dari keturunan yang baik-baik, aku tak pernah mengotori nasib keturunan kamu, apa lagi mengkhianatinya. Kamu pun mengetahui Tuhan menyediakan

pahala dan balasan baik kepada tentera Islam yang melawan musuh, tentulah kamu tahu juga kelebihan alam yang kekal dari dunia yang fana. Tuhan berfirman: “Wahai orang-orang yang percaya, sabarlah kamu, dan sabar menyabarkan kamu, intiplah musuhmu, dan berbaktilah kamu kepada Allah, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.” Apabila menjelang fajar Subuh esok dan kamu dalam keadaan selamat, hendaklah kamu bersedia untuk berperang, menghadapi musuh kamu. Demi Tuhan, kamu akan mendapat pertolongan untuk mengalahkan musuh kamu. Dan apabila kamu saksikan peperangan telah sengit, apinya membakar hangus hulubalang, bertekad bulatlah kamu, jangan bertangguh lagi, ceburlah diri ke dalamnya. Tatkala bertempur, aku sedia mendoakan supaya kamu senang dan mendapat kemuliaan yang berkekalan di dunia.”

Apabila menjelang Subuh, keluarlah keempat anak yang taat itu menggabungkan diri ke dalam angkatan tentera Islam. Kemudian berkatalah salah seorang di antaranya:

Wahai saudara-saudaraku
Ibu tua memanggil kita malam tadi
Nasihat yang berguna telah diberikan
Dengan kata penuh keterangan.

Bersegeralah ke medan perang
Perang dahsyat dan menakutkan.
Dalam peperangan hanya yang dijumpai
Anjing-anjing menyalak dari bangsa Parsi

Sambungannya pada muka 46

Kita kemukakan itu sebagai peringatan, bahawa di mana si lemah perlu dibela, di mana si tertindas harus dilepaskan dari tekanan dan ketakutan, maka golongan Islam tampil ke muka membela hak kebenaran agamanya, ideologinya dan haram baginya berpeluk tangan.

Kita tak hendak bermegah dengan perbuatan orang-orang kita yang telah dahulu dari kita. Tetapi revolusi meletus di tanah air kita semenjak empat tahun yang lalu, cukup memberi ukuran bagi kita, dan umat Islam sekarang ini telah berhasil membuktikan, bahawa roh Islamnya itu tidaklah mati. Bahkan ia akan merupakan punca yang tak kunjung kering, pendorong yang maha hebat dalam perjuangan menentang penjajahan. Sejarah menjadi saksi bahawa umat Islam Indonesia, tidaklah terkebelakang dari saudara-saudaranya golongan lain. Ia bahu-membahu, berkorban dan berjihad dalam berbagai-bagai lapangan dengan tujuan yang satu.

“Melepaskan negara dari penjajahan lahir dan batin, menegakkan dan mengisi kedaulatan atas seluruh kepulauan tanah air.”

Masyumi dalam pergolakan yang bergelora itu adalah saluran dari kewajiban berat bagi umat Islam Indonseia di lapangan politik

Dalam persimpangan siurnya bermacam-macam aliran yang ada, kita bersedia mencari dasar persamaan dalam hal yang dapat dijalankan bersama-sama berdasar atas dasar “*Kalimat in sawā’in baynanā wa baynakum*” (kalimah yang adil di antara kami dan kamu). (Q. Āli ‘Imrān 64).

Tidak ada faedahnya bagi kita menghabiskan msa dengan rasa gusar dan kesal, apabila berjumpa dengan perlawanan faham atau ideologi. Maka dengan kepala yang dingin dan jiwa besar, seorang Muslim setiap masa haruslah pandai menempatkan dirinya pada perdirian yang tertentu mengambil sikap “Berjuanglah kamu atas tempat dan dasar keyakinanmu, sesungguhnya aku pun adalah seorang pejuang pula” (erti Q. Surah al-An‘ām 135).

Di dalam pada itu kita menggariskan jalan dalam masyarakat kita dengan tenang tetapi tegas dan tepat, sesuai dengan *khūṭah* Rasulullah (S.A.W.) dalam membawa tugasnya:

“Katakanlah! Inilah jalanku! Aku ajak kepada jalan Allah dengan bukti-bukti, aku dan pengikut-pengikutku, Maha Suci Tuhan, dan aku bukanlah termasuk orang-orang yang menyengutukan Tuhan”. (erti Q. Surah Yūsuf 108)

Alam Wanita

Sambungan dari muka 26

Telah kamu yakinkan suatu musibah
Dalam peperangan yang dahsyat hebat.
Kamu berada di antara dua
Hidup terus berbakti
Mati membawa untung dan erti.
Majulah mereka ke medan perang, menempuh bahaya
yang mereka ketahui dari mulanya. Dengan bangganya
mengembaralah roh mereka ke alam yang *baqā’* dengan
tekad yang bulat mereka menyerahkan jiwa
demi kalimah Allah dan kesucian agama. Gugurlah
mereka di medan itu.
Khabar disampaikan kepada ibunya. Khansā’
menerima dengan tenang, dan berkata “Puji-pujian
bagi Allah yang memuliakan aku kerana gugurnya mereka.
Kuharapkan daripada Tuhanku hendaknya dapat
mengumpulkan aku dan mereka tempat yang
dianugerahkan-Nya.”

Demikianlah serba sedikit mengenai al-Khansā’,
seorang penyair wanita yang berladung air mata
kerana menanggung duka nestapa atas kematian
saudara-saudaranya dan anak-anaknya. Seorang ibu yang berjiwa
perjuangan, yang patut dicontohi.